

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DR. KELVIN YII LEE WUEN [ BANDAR  
KUCHING ]**

**SOALAN**

**DR. KELVIN YII LEE WUEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dalam bentuk jadual, statistik pengangguran di Sarawak terutamanya sejak bulan Januari 2020 dan inisiatif Kementerian yang wujud bagi menangani masalah pengangguran terutamanya di golongan belia Sarawak disebabkan kesan COVID-19 ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah pencari kerja yang aktif pada tahun semasa, dari bulan Januari sehingga Jun 2020 adalah sejumlah 4,330 orang, yang mana telah mendaftar dalam portal sistem *JobsMalaysia* dalam tempoh berkenaan. Sejumlah besar mereka adalah dalam peringkat umur antara 20 – 24 tahun, iaitu seramai 2,500 orang.

**JADUAL 1 : STATISTIK PENCARI KERJA BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA JUN TAHUN 2020**

PERINGKAT UMUR	PENCARI KERJA (JAN – JUN 2020)		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
15 - 19	243	484	727
20 - 24	760	1,740	2,500
25 - 29	298	499	797
30 - 34	79	110	189
35 - 39	30	44	74
40 - 44	15	17	32
45 - 49	7	2	9
50 - 54	1	0	1
55 - 59	1	0	1
60 - 64	0	0	0
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>1,434</b>	<b>2,896</b>	<b>4,330</b>

*Sumber: Sistem JobsMalaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak*

2. Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak sentiasa komited dalam usaha untuk merangka strategi dalam mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan khususnya anak belia di Sarawak. Pelbagai inisiatif telah dirangka dan diambil bagi membolehkan anak-anak belia di Sarawak mendapat pekerjaan terutamanya kepada pekerja yang telah

hilang pekerjaan dan menganggur sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula sejak 18 Mac 2020.

3. Salah satu langkah yang dilaksanakan secara berterusan adalah dengan mempromosikan laman sesawang JobsMalaysia ([www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my)) yang berperanan sebagai platform utama bagi pencari kerja mendapat maklumat jawatan kosong serta memohon jawatan yang diminati secara atas talian. Para pencari kerja dapat mengakses portal JobsMalaysia ini pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

4. Antara inisiatif terbaharu yang diperkenalkan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak melalui Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan ialah memperkenalkan **temuduga terbuka atas talian** berdasarkan norma baharu yang dijalankan dengan menggunakan aplikasi *Zoom* sebagai keutamaan. Selain itu, temuduga terbuka melalui panggilan telefon dan temuduga terbuka melalui media sosial lain juga diadakan. Kesemua inisiatif terbaru berkenaan adalah selaras dengan amalan norma baharu dan mematuhi SOP daripada Majlis Keselamatan Negara untuk mengekang penularan wabak Covid-19.

5. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak) telah merancang untuk menjalankan Program Karnival Kerjaya setiap bulan di seluruh Negeri Sarawak. Bagaimanapun disebabkan penularan wabak COVID-19 sejak awal tahun 2020, hanya empat (4) daerah yang berkesempatan untuk menganjurkan Program Karnival Kerjaya seperti di Jadual 2. Sejumlah **32 syarikat majikan** telah menyertai program tersebut yang menawarkan **1,231 jawatan** untuk semua kategori perjawatan. Sepanjang program tersebut sejumlah **672 calon** telah hadir temuduga. Walaubagaimanapun, akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020, kesemua perancangan lanjut daripada program karnival tersebut terpaksa ditangguh.

**JADUAL 2 : PELAKSANAAN PROGRAM KARNIVAL KERJAYA  
NEGERI SARAWAK TAHUN 2020**

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Pejabat</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bil. Majikan</b>	<b>Bil. Kekosongan Jawatan</b>	<b>Hadir Temuduga</b>
1	01.02.2020	PTK Kuching	Lundu	8	342	124
2	16.02.2020	PTK Sri Aman	Sri Aman	9	204	194
3	22.02.2020	PTK Kapit	Kapit	5	170	139
4	07.03.2020	PTK Kota Samarahan	Samarahan	10	515	215
<b>JUMLAH :</b>				<b>32</b>	<b>1231</b>	<b>672</b>

*Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Sarawak*

Sekian, terima kasih.